

Dua gua baru diteroka di Taman Rimba Kenong

KUALA LIPIS: Taman Rimba Kenong di sini, bakal menjadi ikon baru pelancongan Pahang selepas Taman Negara Kuala Tahan melalui tarikan keunikan rangkaian gua yang baru diterokai, selain penambahbai-

kan kemudahan di kawasan berkenaan untuk keselesaan pengunjung.

Pada awal pembukaan taman terbabit pada 1982, hanya lima gua boleh dilawati pengunjung namun, kini bilangannya bertambah kepada

20 yang pastinya menggamit kedatangan pelancong.

Antara gua batu kapur yang baru diterokai di sini ialah Gua Batu Tinggi, Gua Batu Tangkup, Gua Batu Telahup, Gua Kesong, Gua Buta, Gua

Harimau, dan Gua Hijau.

Bagi menampung jumlah pelancong yang semakin meningkat, sebanyak 12 chalet yang boleh menempatkan 70 orang pada satu-satu masa dibina.

Berbanding sebelum ini, kemudahan chalet adalah terhad dan hanya disediakan kepada pelancong luar.


Pengarah Tourism Pahang, Amran Abdul Rahman, berkata pelancong yang datang ke taman itu pasti tertawan dengan keindahan semula jadi yang masih terpelihara di samping kekayaan flora dan fauna untuk tatanan generasi masa kini.

Katanya, keindahan gua yang baru diterokai di harap dapat menarik minat pelancong tempatan dan asing berkunjung ke taman rimba itu.

“Kerja penambahbaikan kemudahan di kawasan itu giat dilakukan untuk keselesaan pengunjung yang ingin menikmati keindahan panorama di kawasan hutan.

“Pengunjung tidak perlu bimbang kerana kemudahan seperti chalet, dewan, asrama dan tapak perkhemahan disediakan untuk mereka yang datang ke sini,” katanya.

● LUOMAN HAKIM ZUBIR | BERITA HARIAN



SEBAHAGIAN gua yang terdapat di Taman Rimba Kenong.



Kerja penambahbaikan kemudahan di kawasan itu giat dilakukan untuk keselesaan pengunjung yang ingin menikmati keindahan panorama di kawasan hutan. Pengunjung tidak perlu bimbang kerana kemudahan seperti chalet, dewan, asrama dan tapak perkhemahan disediakan untuk mereka yang datang ke sini

Amran Abdul Rahman

Pengarah Tourism Pahang